

Konsep- konsep Umum Amal Jamaie (Taat, Sirri dan Alaniah, Istisyarah dan Isti'zan)

Keperluan Amal Jamaie

Islam Deen Syamil Kamil Mutakamil

- Manusia – tenaga yang terpecah-pecah & terbatas
- Fitrah Kauniyyah – seseorang akan lemah
- Hajah Basyariyyah – manusia perlu kepada Islam
- Darurah Harakiyyah – musuh bekerja dalam team
- Faridhah Syar'iyah – Dalil Al Quran & Hadis

Kelebihan Amal Jamaie

- Membahagikan kerja – e.g kilang industri
- Meringankan beban kerja dakwah – terlalu berat
- Menggunakan tenaga – tiada yang ta'atol/guna semua bakat
- Menggandakan pahala – e.g solat jamaah
- Saling memperlengkapkan kelemahan manusia
- Menjaga keaslian – tidak mudah menyeleweng
- Memperteruskan pertolongan Allah – Hadis

Definasi & Syarat Amal Jamaie

Sesuatu yang diputuskan secara kolektif dalam organisasi yang munazzam mengikut manhaj tertentu dan matlamat yang tertentu.

- Di putuskan oleh perkumpulan
- Kerja yang tersusun (munazzam)
- Kerja yang mengikut manhaj (manhaji)
- Mempunyai tugas yang tertentu (matlamat)

Konsep taat

Taat adalah mematuhi perintah, terdapat 39 kali disebut di dalam Al Quran dan Hadis supaya setiap muslim dapat memahami kepentingan dan sempadan ketaatan.

Taat pertama kepada Allah, kedua kepada Rasulullah saw dan ketiga kepada Uli Amri selama mana mereka berpegang kepada manhaj Allah. Sempadan ketaatan kepada Uli Amri selagi mana mereka tidak menyuruh melakukan maksiat kepada Allah. Memberi ketaatan kepada ibubapa atau mas'ul termasuk dalam syar'iyah.

Keperluan taat dalam kehidupan manusia

- tidak taat berlaku faudha, huru-hara dalam kehidupan masyarakat.
- Dalam organisasi ketaatan amat perlu – munazzam dalam urusan dan medisplinkan perjalanannya.
- Lebih lebih lagi di dalam Organisasi Islam kerana masru' dan menjadi ibadat serta diberi ganjaran pahala kepada orang yang taat.- kesatuan saf, terlaksana perancangan dan program, mencapai matlamat.

Perlaksanaan Taat

- Individu
 - tahap kesedaran & penguasaannya
 - kedudukannya dalam organisasi
 - keperibadiannya e.g menjaga rahsia
 - tabiatnya e.g menerima perintah dan persediaan melaksana
- Suasana/Zuruf
 - biasa [memerlukan kefahaman & Kerelaan]
 - gawat [tasaddud]
- Tabiat Isu
 - Isu yang memerlukan individu tertentu [tasaddud dalam arahan]
 - Isu biasa [tidak masalah diketahui oleh orang lain- tawassu' dalam arahan samada dalam memberi kefahaman atau mendapat kerelaan]

Ketaatan secara wa'yyah, suka atau tidak suka adalah masru' dalam organisasi Islam. Ketaatan yang diberi akan mendapat ganjaran pahala dan mendapat keredhaan Allah.

Syura/Istisarah

Makna Syura

- Mesyuarat
- Minta pandangan atau pendapat
- Bebas memberi pandangan tanpa mujamalah

Dalil As Syura

- As Syura:38 maksudnya “Dan bagi orang-orang yang menerima seruan Tuhannya dan mendirikan solat, sedang urusan mereka diputuskan dengan mesyuarat antara mereka, dan menafkahkan sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka”
- Ali Imran:159 maksudnya “ Maka disebabkan rahmat dari Allah lah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu, kerana itu maafkan mereka dan bermesyuarat dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad. Maka bertakwawal kepadaNya”
- Sabda Rasulullah saw bermaksud “Berilah pandangan kepada ku wahai muslimin, apakah kamu berpandangan aku cenderung kepada keluarga dan keturunanku, mereka hendak menyekat kita dari ahli keluargaku”Bukhari
- Seerah Nabi saw – Perang Badar, Uhud, Tawanan perang dsb

Perlaksanaan As Syura

- Kehidupan individu muslim – Rabbani/isytikhara' dan meminta pandangan individu yang dipercayai, berpengalaman dan ikhlas dalam memberi pandangan [Tidak rugi sesiapa yang berisytikhara' dan tidak menyesal sesiapa yang meminta pandangan]
- Kehidupan keluarga – tidak boleh diktatur dalam mengahwini anak perempuan sekalipun anak dara

- Masyarakat dan Negara – Al Quran dan As Sunnah menjelaskannya, ia di antara tanggungjawab Jamaah dan Negara Islam

Garis Sempadan Syura

Garis sempada syura seperti apa yang didatangkan daripada Al Quran dan As Sunnah. Tidak ada ijhtihad dan tidak ada syura dalam perkara yang ada nas, melainkan ijhtihad dalam memahami nas dan tafsirnya. Para sahabat ra segera meminta keterangan dari Rasulullah bila ada masalah. Mereka bertanya adakah ianya wahyu daripada Allah? Sekiranya wahyu mereka segera taat dan melaksanakan dengan bersungguh dan tegas. Sekiranya pendapat, mereka bermesyuarat dan mendengar pandangan sahabat-sahabat, ada sahabat yang sependapat dan ada yang tidak sependapat diantara mereka. Rasulullah saw menerima semua itu dari pada para sahabatnya.

Begitu juga tidak ada ijhtihad dan syura dalam perkara ibadat – Sabda Rasulullah saw maksudnya “ Sesiapa yang melakukan sesuatu amalan, bukan dari ajaran kami, maka ia adalah ditolak” Bukhari/Muslim

Diantara perkara yang dibolehkan syura

- Tanzim / Organisasi
- Ekonomi
- Tarbiyyah
- Nasyrud Dakwah dsb.

Kepentingan Syura

- Berkat
- Paling hampir dengan kebenaran

Antara Syura dan Isytisarah

- Isytisarah – ialah meminta pandangan dari orang yang dipercayai, orang yang meminta pandangan, berhak membuat keputusan dalam perkara yang diminta pandangan kecuali dengan mas’ul.
- Syura – ialah wasilah Jama’iyah yang digunakan oleh Jamaah atau umat untuk membuat keputusan dalam isu umum atau masalah ammah.
- Isytisarah tidak wajib dan pandangannya tidak mulzim adapun Syura ia adalah wajib dan mulzim.

Antara Sirri dan Alani

- Surah Al Hijr:94 maksudnya “Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan kepadamu dan berpalinglah dari orang-orang musyrik”
- Surah Nuh:9 maksudnya “kemudian sesungguhnya aku menyeru mereka lagi dengan terang-terangan dan diam-diam”

KepentinganAs Sirriyah

- Keselamatan dan Kesejahteraan Organisasi

Bentuk-Bentuk As Sirriyah

- Merahsiakan Keislaman – tiga tahun pertama dakwah di Mekah.
- Kerahsiaan Amal Dakwah (strategi & Hadaf) – dakwah fardiyah, makalah tanpa nama pengarang, melalui platform dsb.

- Merahsiakan organisasi – dirahsiakan dari pengetahuan musuh dan dirahsiakan sebahagiannya dari da'ie sendiri.
- Merahsiakan keperibadian da'ie sebagai anggota organisasi – pelaksanaan adalah berdasarkan suasana [kekuatan organisasi- jauh/hampir kepada hadaf]

Beberapa Kaedah dalam melaksanakan As Sirriyah

- Sabda Rasulullah saw maksudnya “ Di antara kecantikan Islam adalah apabila seseorang meninggalkan apa yang tidak ada kena mengena dengannya”
- Saidina Ali ra berkata “Tidak semua yang diketahui perlu diperkatakan. Tidak semua yang perlu diperkatakan, ada orang yang layak untuk mendengarnya. Tidak semua yang perlu diperkatakan dan ada orang yang layak mendengarnya, sudah tiba masa untuk memperkatakannya”
- Hadaf adalah kemenangan atau syahadah bukannya kesejahteraan diri, tetapi syahadah yang kita inginkan adalah syahadah memberikan pulangan kepada dakwah.
- Matlumat adalah amanah dan bukan miliknya. Matlumat yang kita sampaikan akan bergerak dan terus bergerak. Kita yang menentukan di mana ia berhenti.

Isti'zan

Surah An Nur; Ayat 62

Sesungguhnya yang sebenar-benar orang mukmin ialah orang-orang yang beriman dengan Allah dan RasulNya dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah dalam sesuatu urusan yang memerlukan pertemuan mereka tidak meninggalkan Rasulullah sebelum meminta izin kepadanya. Sesungguhnya orang-orang yang meminta izin kepadamu, mereka itulah orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasulNya, maka apabila mereka meminta izin kepadamu kerana sesuatu keperluan, berilah izin kepada sesiapa yang kamu kehendaki di antara mereka, dan mohonkanlah ampunan untuk mereka kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang.

Sebab turun ayat ini ; peristiwa yang berlaku dalam menggali parit dalam peperangan Khandaq.

Biar apa pun sebab turunnya ayat-ayat ini, namun ia tetap mengandungi peradaban dan tatatertib diri di antara kelompok dengan pimpinan. Urusan masyarakat akan pincang melainkan apabila peradaban-peradaban dan tatatertib ini terbit dari seluruh perasaan, sentimen dan hati nurani anggota-anggota masyarakat kemudian bertunjang kukuh di dalam kehidupan mereka sebagai satu adat yang dipatuhi dan undang-undang yang berkuatkuasa. Jika tidak ada peradaban-peradaban dan tatatertib ini maka masyarakat akan menjadi huru-hara dan kacau bilau.

Maksud urusan yang memerlukan perhimpunan orang ramai ialah urusan-urusan penting yang memerlukan penyertaan ramai orang Islam atau kegiatan yang bersangkutan masalah umum atau masalah dakwah. Sebagai contoh seperti mesyuarat, perang, tarbiah dsb.

Sikap orang mukmin, mereka tidak boleh meninggalkan perhimpunan, melainkan setelah mendapat kebenaran dari pemimpin atau mas'ul supaya urusan itu tidak menjadi kacau bilau, tanpa kehormatan dan peraturan.

Orang mukmin mematuhi peradaban ini dan tidak akan meminta izin atau mencari berbagai alasan untuk mengundurkan diri melainkan kerana terpaksa, kerana

keimanan dan adab sopan mereka yang tinggi itulah yang menghalangi mereka dari mengundurkan diri dari urusan dakwah yang sedang sibuk difikirkan.

Ayat yang terakhir dari surah ini memberi amaran yang menginsafkan hati orang-orang yang beriman dan orang-orang yang sesat bahawa Allah sentiasa melihat dan mengawasi mereka dan amalan mereka serta mengetahui segala rahsia yang disembunyikan di dalam hati mereka. Firman Allah yang bermaksud: “Ketahuilah !!! sesungguhnya Allah itu memiliki segala isi langit dan bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan kamu sekarang ini dan keadaan pada hari seluruh manusia dikembalikan kepadaNya, dan di sana Dia akan memberitahu kepada mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu”

Ayat ini menghubungkan hati dan mata manusia kepada Allah dan mengingatkan mereka supaya takut dan bertaqwa kepada Allah, kerana taqwa itulah jaminan yang terakhir. Ia merupakan pengawal segala suruhan dan larangan dan pengawas akhlak dan peradaban yang diwajibkan oleh Allah.

Kesimpulan

Cukuplah sekadar ini perbincangan mengenai Konsep-Konsep Umum Amal Jamaie [Taat, As Sirriyah dan Alani, Isytisyarah dan Isyti'zan] sebagai langkah kita memahami dan melaksanakannya dalam usaha menjalankan dakwah dan menyelesaikan sebahagian masalah yang timbul dikalangan pendakwah. Kepada Allah kita memohon agar diberi taufiq dan hidayah dalam menjalankan tugas kita sebagai hamba Allah. Hanya keredhaan dan kecintaan Allah menjadi matlamat kita. Kita sentiasa berdoa supaya Allah menetapkan kita di atas jalan dakwah yang dilakukan secara berorganisasi dan beramal secara kolektif. Allah Akbar! Allah Akbar! Allah Akbar! Walillah hil Hamd.

Rujukan

1. Amal Kolektif
2. Zilal Quran
3. As Syura
4. Seerah Rahiqul Makhtum
5. Kajian Politik dalam Jamaah Ikhwanul Muslimin
6. Hadis 40 Imam Nawawi

Syair Syeikh Yusuf al Qardhawi

Bangunlah para petunjuk jalan yang arif bijaksana untuk mengembalikan keadilan
Bangunlah para penakluk yang mulia dan gagah untuk mencapai kemuliaan perkasa

Bangunlah untuk memusnahkan segala belunggu kerana masanya telah tiba
Kerana manusia ditimpa kecelakaan cinta dunia tanpa agama

Marilah kita kembalikan umat, sebagai suatu rahmat bagi seluruh alam
Janganlah kamu berkata; bagaimana? kerana kita ini umat Islam

Wahai saudara Islam di seluruh tempat,

Naiklah ke atas bukit dan laungkanlah azan
Angkatlah al Quran sebagai perlembagaan zaman
Penuhilah setiap penjuru dengan berkata “Kami umat Islam! Kami Umat Islam! Kami
umat Islam!
Di mana ada kebenaran dan keadilan, di situlah kami
Kami rela mati daripada terhina
Alangkah manisnya kematian di jalan Allah!!!